

HARI : _____

ISNIN

TARIKH : _____

22/7/2019

M/SURAT : _____

10

PKR tekad kukuh kedudukan

PORT DICKSON 21 Julai - Parti Keadilan Rakyat (PKR) hari ini mengulangi tekad untuk mengukuhkan kedudukan sebagai parti tonggak nasional pelbagai kaum berdasarkan prinsip Perlembagaan dan memastikan manifesto Pakatan Harapan (PH) terlaksana.



Setiausaha Agung PKR Datuk Saifuddin Nasution Ismail (**gambar**) berkata, bagi mencapai matlamat itu PKR akan terus menjuarai isu-isu rakyat dengan mendekati masyarakat dan memberikan pembelaan kepada komuniti.

Katanya, parti itu telah mengadakan pemukiman melibatkan 120 ahli Majlis Pimpinan Pusat, Ahli Dewan Rakyat, Ahli Dewan Negara dan Ahli Dewan Undangan Negeri dari PKR.

"Kami telah berbincang secara jujur, terbuka dan telah mencapai resolusi bersama. Program ini menjadi platform pemimpin bermuhasabah, menggilap kembali idealisme perjuangan, mengukuhkan disiplin dan perpaduan parti dan menilai kembali rekod perkhidmatan selama setahun sebagai kerajaan serta bagaimana PH bergerak ke hadapan."

"Kami juga memberi sokongan penuh kepada Presiden PKR Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk memacu dan memimpin PKR yang menjadi tonggak PH, selaras dengan semua peruntukan sebagaimana terkandung di dalam perlembagaan parti," katanya yang membacakan dokumen resolusi dalam sidang akbar selepas majlis penutupan pemukiman di sini hari ini.

Kesemua peserta pemukiman itu telah menandatangani dokumen resolusi berkenaan.

Anwar yang turut hadir dalam sidang akbar itu menyifatkan pemukiman itu sebagai berjaya dengan peratusan yang tidak hadir adalah kecil.

Jelasnya, semangat kerjasama dan perpaduan dalam parti itu begitu erat berbanding yang digambarkan oleh sesetengah media.

"Mereka yang tidak hadir sebahagiannya memberi alasan munasabah seperti ibu sakit tenat, dua di hospital dan ada yang ke luar negara," katanya.